

09 OCT 2002

S'pura-Air/I

KAJIAN SEMULA HARGA AIR SEBAHAGIAN DARIPADA PAKEJ ISU, KATA S'PURA

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 9 Okt (Bernama) -- Singapura mengulangi bahawa ia sedia membincangkan kajian semula harga air sebagai sebahagian daripada pakej isu-isu tertangguh dua hala bersama Malaysia.

"Bagaimanapun, pendirian Singapura bahawa Malaysia tidak mempunyai asas undang-undang untuk mengkaji semula harga air di bawah Perjanjian 1961 dan 1962 selepas kelewatan 15/16-tahun, tidak berubah," kata Ong Keng Yong, Setiausaha Akhbar kepada Perdana Menteri Goh Chok Tong dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai maklum balas kepada kenyataan Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar semalam bahawa Perdana Menteri Singapura telah menerima hakikat bahawa Malaysia berhak untuk mengkaji semula harga air di bawah dua perjanjian itu.

Ong berkata, aspek perundangan ini tidak dibincangkan oleh Goh dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa pertemuan mereka.

"Bagaimanapun, Perdana Menteri Goh telah memaklumkan Dr Mahathir bahawa Singapura bersedia untuk membincangkan kajian semula harga itu sebagai pakej dua hala," jelas beliau.

Mengenai kenyataan Syed Hamid bahawa isu air itu diasingkan daripada pakej isu-isu tertangguh, Ong berkata itu tidak benar.

Menurut Ong lagi, Goh, sebenarnya memberitahu Dr Mahathir bahawa semua isu, termasuk cadangan Malaysia untuk mengkaji semula harga bekalan air yang dibeli oleh Singapura dari Johor, mesti diselesaikan sebagai sebahagian daripada pakej.

Sementara itu, mengenai pertemuan Goh bersama Dr Mahathir, Ong berkata dalam satu kenyataan berasingan bahawa kedua-dua negara bersetuju bahawa pakej isu-isu itu harus diselesaikan secepat mungkin supaya mereka boleh bekerjasama dalam menghadapi cabaran lebih besar.

Beliau berkata Goh memberitahu Dr Mahathir bahawa Singapura bersedia untuk membincangkan kajian semula harga air yang sekarang ini dibeli oleh Singapura dari Johor, dalam konteks pakej itu.

Kedua-dua Perdana Menteri itu bersetuju yang para pegawai yang akan bertemu minggu depan harus cuba menyelesaikan isu harga air (untuk sekarang dan masa depan), kata Ong, dan menegaskan Goh pada pertemuan itu, telah berkata kedua-dua pihak harus bertukar tawaran masing-masing bagi harga air.

Semasa pertemuan selama 30-minit itu, Goh, yang menyatakan kebimbangannya mengenai keganasan di rantau kepada Dr Mahathir, berkata sejak penahanan anggota-anggota Jemaah Islamiyah, Singapura mendapati agenda pengganas membabitkan seluruh Asia Tenggara, dan banyak daripada kumpulan pengganas di rantau ini mempunyai hubungan dengan Al-Qaeda.

"Singapura bimbang Asia Tenggara akan menjadi pentas operasi kumpulan pengganas, dan dengan itu rantau itu akan ketinggalan daripada segi pembangunan ekonomi," kata Ong mengenai pertemuan itu.

Menurut Ong lagi, Dr Mahathir yang turut berpendapat sama dengan Goh dalam perspektif mengenai keganasan berkata, dalam hal itu Malaysia berjaya mengawal keadaan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir memberitahu Goh bahawa kedua-dua negara boleh berkongsi maklumat risikan dan bekerjasama dalam menanganinya.

-- BERNAMA

SS PR

